

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	3 APRIL 2016

# Himpunan anti-GST gagal tarik kehadiran orang ramai

um-3/4/2016

**KUALA LUMPUR 2 April** - Himpunan anti-cukai barang dan perkhidmatan (GST) anjuran pembangkang disifatkan sebagai gagal sepenuhnya apabila cuma dihadiri kira-kira 1,800 orang, jauh lebih rendah berbanding sasaran awal seramai 10,000 orang.


Mereka yang hadir pula hanyalah dalam kalangan penyokong Parti Keadilan Rakyat (PKR), DAP dan Parti Amanah Negara (PAN) manakala muka-muka penyokong Pas yang selama ini menjadi tulang belakang kepada mana-mana perhimpunan pembangkang langsung tidak kelihatan.

Seiring dengan suhu yang mencecah 37 darjah celsius, 'suhu kekecewaan' Ketua Pembangkang, Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail juga tinggi dan berikutan kegagalan itu, memaksa beliau meninggalkan majlis lebih awal.

Pada masa yang sama, hakikat bahawa ekonomi Malaysia kekal berada dalam keadaan stabil meskipun persekitaran global tidak menentu disebabkan pelaksanaan GST sejak setahun lalu juga tidak mampu dicabar oleh pembangkang.

Semua pemimpin pembangkang termasuk Ahli Parlimen Pandan, Rafizi Ramli, yang selama ini cuba menjadi hero ekonomi tidak mampu menafikan GST menyumbang RM51 bilion kepada negara, sekaligus membantu ekonomi Malaysia.

Selain itu, perhimpunan tersebut juga dilihat tiada matlamat, bercelaru dan hanya diperalatkan untuk memperjuangkan kepentingan politik Datuk Seri Anwar Ibrahim apabila semua pemimpin pembangkang melaungkan kata-kata 'bebas Anwar'.



**DR. MAHATHIR MOHAMAD** ketika berucap dalam Himpunan anti-GST di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur, semalam. - MINGGUSAN/FAUZI BAHARUDIN

Paling ketara, terdapat pihak-pihak tertentu mengumpulkan tanda tangan daripada orang ramai yang hadir bagi menjayakan petisyen bebaskan Anwar walaupun jelas bekas Ketua Pembangkang itu dipenjara atas kesalahan meliwat, bukannya tahanan politik.

Dalam pada itu, cubaan pembangkang untuk menarik orang ramai dengan mempromosikan kehadiran bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad, juga gagal dan lebih memalukan ditolak oleh sebahagian penyokong mereka sendiri.

Diketuai bekas Ketua Penerangan PKR, Dr. Badrulamin Bahron, kehadiran Dr. Mahathir disambut laungan 'reformasi' dan 'kami bukan pemakan dedak' oleh sekumpulan penyokong Anwar yang berang dengan bekas Perdana Menteri itu.

Tidak cukup dengan itu, Badrulamin ketika diminta membacakan doa penutup majlis masih lagi sempat menyindir Dr. Mahathir dengan berdoa agar pemimpin yang 'maha firaun' dan 'maha zalim' dikenakan balasan tuhan.